

TARIKH: 14/12/23
SURAT KHABAR: Berita Harian.
MUKA SURAT: 4.



Sim bersama Abdul Rahman mengimbas kad perakam waktu sebelum memasuki pejabatnya di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

Sim mahu angkat martabat pekerja tanpa mengira kaum

Putrajaya: Menteri Sumber Manusia (MKN), Steven Sim meletakkan fokus untuk mengangkat martabat golongan pekerja di Malaysia tanpa mengira kaum dan juga agama.

Beliau berkata, sekiranya nasib pekerja perlu dibela dan jika tidak diambil kira, ia berisiko memberi kesan kepada syarikat serta menjejaskan produktiviti perniagaan termasuk imej negara.

Bekas Timbalan Menteri Kewangan itu bagaimanapun meminta sedikit ruang diberikan kepada dirinya dan juga Timbalan, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, untuk melihat usaha yang sudah dilakukan sebelum ini termasuk perancangan masa depan yang telah dirangka Kementerian yang baharu diterajunya itu.

"Kementerian akan terus

memperjuangkan hak dan nasib pekerja supaya golongan ini tidak diabaikan oleh majikan.

"Apa yang penting, ini peralihan dalam kerajaan yang sama, justeru penekanan akan diberikan kepada soal kesinambungan dan jika perlu, penambahbaikan akan diadakan," katanya kepada pemberita selepas mengimbas kad perakam waktu sebelum memasuki pejabatnya di sini semalam.

Yang turut hadir, Abdul Rahman yang sebelum ini memegang portfolio Timbalan Menteri di Kementerian Kerja Raya.

Sim yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam dilantik Menteri Sumber Manusia susulan rombakan Kabinet diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, mengambil tempat V Sivakumar

yang digugurkan.

Dalam pada itu, Sim menegaskan Kementerian Sumber Manusia perlu menstruktur ekonomi dalam kerangka ekonomi MADANI yang memfokuskan kepada pembangunan kemahiran termasuk pembangunan, kebajikan dan produktiviti pekerja.

"Berikan sedikit ruang dan masa kepada saya untuk memahami dan melihat semua dasar yang ada, serta membuat pengumuman dari semasa ke semasa yang akan dikongsikan bersama pihak media.

"Harapan rakyat adalah tinggi termasuk golongan pekerja bagi meningkatkan ketangkasan perkhidmatan kerajaan. Sudah tentu ia memerlukan ketelusan dan perkhidmatan yang baik daripada pihak kementerian," katanya.

BH
Khamis
14/12/23
Page Nasional
4.